

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 5/1992**

#### **TATACARA PEMBERIAN MILIK TANAH SECARA BERANCANG/BERKELOMPOK**

---

---

1. Pekeling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 3 Jun 1992 telah membuat keputusan supaya garis panduan berikut, dipakai semasa memproses permohonan milik tanah. Garis panduan ini merupakan tambahan kepada dasar pemberian milik tanah kepada orang ramai, bagaimana terkandung dalam Pekeling PTG. 3/1992.
  - 1.1 Pelan tataatur tanah berancang hendaklah merangkumi komponen-komponen berikut :-
    - (a) Tanah pertanian getah/kelapa sawit - 3.2 ha.
    - (b) Tanah dusun - 0.8 ha.
    - (c) Kompleks Masjid (merangkumi tapak masjid, rumah kakitangan masjid, sekolah didikan kanak-kanak) - 2.0 ha.
    - (d) Tapak rumah kediaman - 0.1 ha.
    - (e) Tapak kedai – atas kadar :  
1 kedai bagi setiap 40 rumah kediaman - 20' x 80'
    - (f) Kompleks sekolah-sekolah - 4.2 ha
    - (g) Kubur - 1.0 ha.
    - (h) Kawasan lapang/padang bola - 2.5 ha.

(i)	Kegunaan kerajaan (klinik, pejabat penghulu, pondok polis dll.)	-	1.2 ha.
(j)	Tanah wakaf untuk membiayai Pondok (akan dimajukan oleh Ketua Jajahan)	-	20 ha.
(k)	Kawasan ragut	-	4 ha.
(l)	Pencawang elektrik	-	0.05 ha.

- 1.2 Semua permohonan untuk membuka tanah secara berancang yang tidak mematuhi atau yang tidak selaras dengan garis panduan ini hendaklah diubahsuai ataupun dibatalkan.
- 1.3 Berhubung dengan asas pemilihan peserta Blok Ketua Jajahan yang berbunyi “peserta-peserta sanggup mengerjakan tanah sendiri”. Mesyuarat berpendapat bahawa asas ini termasuklah peserta-peserta yang sanggup mengeluarkan belanja untuk mengupah orang lain untuk mengerjakan tanah. Ini adalah bagi membolehkan orang-orang yang tidak mahu berpindah turut menjadi peserta Blok Ketua Jajahan.
- 1.4 Pembangunan Blok Ketua Jajahan adalah berasaskan ‘ Desa Takwa’.
- 1.5 Mengenai Rancangan Belia Kelompok dan Pengumpulan semula Orang Asli akan dibincang semula di dalam mesyuarat yang lain.

- 1.6 Pemberian milik tapak rumah secara berancang juga hendaklah dianggap sebagai Blok Ketua Jajahan, di mana pelan tataatur disediakan oleh Ketua Jajahan hendaklah diangkat kepada Jawatankuasa Tanah, Perhutanan dan Sumber Asli dan Majlis Mesyuarat Kerajaan sebagaimana tatacara kelulusan pelan Blok Ketua Jajahan yang lain.
2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling PTG. 3/1992.
3. Pekeliling PTG.Bil. 5/1990 adalah dengan ini dimansuhkan.

**t.t**

**(Hj Ashaari Azmi Bin Hj Abdullah)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN ,  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,  
15576 KOTA BHARU, KELANTAN**

**BERTARIKH : 20 APRIL 1992**

**KEPADAA:**

Semua Pentadbir Tanah dan Jajahan, Kelantan.

**SALINAN KEPADA :**

1. Y.A.B. Tuan Guru Menteri Besar Kelantan.
2. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.  
( Tuan Haji Abdul Halim Bin Abdul Rahman)
3. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.  
(Tuan Haji Mohd Rozali Bin Isohak)
4. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
5. Y.B. Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.
6. Y.B. Tuan Penasihat Undang-undang, Negeri Kelantan.
7. Y.A.Brs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
8. Y.A.Brs Semua Ketua Jajahan, Kelantan.
9. Y.A.Brs Pengarah Penyelesaian Tanah, Negeri Kelantan.
10. Y.A.Brs Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan.
11. YBrs. Pengarah Haiwan Negeri Kelantan
12. YBrs. Pengarah Pertanian Negeri Kelantan.

**FAIL : P.T.G. KN. 16/1/9**